

CNS0668

U GB 10-07 00196 BH591

BAH

Parlimen - Mahathir

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- DAP hari ini diminta supaya membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengenai depot peluru di Masjid Tanah, Melaka jika mereka mempunyai bukti yang sah bahawa pihak yang terlibat dengan pembinaannya bersalah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan demikian berkata, lebih baik parti pembangkang itu membuat laporan terus kepada BPR daripada membangkitkan isu itu di Parlimen kerana badan itu boleh mengambil tindakan yang sepatutnya ke atas mereka yang didapati bersalah.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjelaskan kenyataan yang dibuat oleh ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang semasa beliau (Encik Lim) membahaskan usul Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun pada masa projek itu diluluskan beliau (Dr Mahathir) ialah Menteri Pertahanan tetapi ia tidak bermakna yang beliau terlibat dengan rasuah.

Encik Lim dalam usulnya meminta Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff sebagai orang yang terlibat dengan Abdulah Ang dalam kes keretakan depot peluru berharga \$71 juta itu supaya membayar ganti rugi \$30 juta bagi membaiki semula depot tersebut atau meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar. -- Lagi.

♥10/07/20-32MST

CNS0680

U GB 10-07 00072 BH593

BAH

Parlimen - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Encik Lim berkata, Tan Sri Osman perlu bertanggungjawab di atas kes itu kerana beliau ialah pengarah dan pemegang saham Syarikat Sri Kinabalu Sdn Bhd yang diberikan kontrak untuk membina depot tersebut.

Walaupun syarikat itu telah ditutup, ini tidak bererti Tan Sri Osman boleh melarikan dirinya daripada tanggungjawab tersebut, katanya.

Encik Lim akan menyambung ucapannya esok. -- Bernama.

♥10/07/21-02MST